



JABATAN PERHUTANAN SABAH

“ROAD SHOW” MENGENAI KEFAHAMAN SOP BERKAITAN AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIKAWAL DI BAWAH AKTA PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SPESIS TERANCAM 2008 ATAU AKTA 686 BAGI KAYU GAHARU DAN RAMIN DI SABAH

Adalah dimaklumkan bahawa para pengusaha tanaman Kayu Gaharu & Ramin/ kilang memproses kayu Gaharu yang ditanam dari ladang Gaharu atau mereka yang menjalankan perniagaan kayu Gaharu yang diperolehi dari ladang Gaharu (ditanam) khasnya yang berada di kawasan/bahagian TAWAU, SANDAKAN dan KOTA KINABALU (kawasan Pendalaman, Pantai Barat dan kawasan Pantai Timur Utara Sabah) adalah dipelawa untuk mengikuti “Road Show” Mengenai Kefahaman SOP Berkaitan Aktiviti-aktiviti Yang Dikawal Di Bawah Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 atau Akta 686 Bagi Kayu Gaharu dan Ramin bagi kawasan/bahagian seperti tarikh-tarikh di dalam jadual di bawah:

Objektif “Road show”:

1. Untuk memberikan kefahaman mengenai pematuhan pendaftaran ladang Gaharu supaya pengeluaran dan perdagangan produk kayu Gaharu/Ramin lebih teratur dan mematuhi peraturan AKTA 686.
2. Untuk membantu proses PENDAFTARAN kepada pengusaha ladang kayu Gaharu/Ramin di kawasan/bahagian masing-masing yang akan dijalankan pada hari tersebut.

KAWASAN/BAHAGIAN	TARIKH	TEMPAT	MASA	YURAN
Tawau	11 Ogos 2020	Hotel Borneo Royale, TAWAU	8.00 Pagi – 5.00 Petang	Percuma.
Sandakan	18 Ogos 2020	Dewan Bangunan Hutan Tropika, Hutan Simpan Kebun Cina, SANDAKAN	8.00 Pagi – 5.00 Petang	Percuma.
Kota-Kinabalu	27 Ogos 2020	Hotel Promenade, KOTA KINABALU	8.00 Pagi – 5.00 Petang	Percuma.

Jumlah Peserta di setiap "Road Show" adalah terhad dan tempat akan diberikan secara ' first come first serve basis '.

Pemohon yang berminat menyertai "Road Show" di atas hendaklah mengemukakan butir-butir permohonan mengikuti "Road Show" dengan menyatakan maklumat seperti berikut ;

- (i) Nama peserta atau Nama Syarikat
- (ii) Jenis perniagaan kayu Gaharu yang dijalankan
- (iii) Alamat lokasi perniagaan
- (iv) Alamat perhubungan surat-menyurat
- (v) No. telefon
- (vi) No. fax
- (vii) Alamat Emel

dan kemukakan ke alamat berikut selewat-lewatnya pada 6 OGOS 2020 :

KETUA KONSERVATOR HUTAN
U/P : Ketua Bahagian Industri & Perdagangan Hutan
Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Sabah
Beg Berkunci No. 68,
90009 SANDAKAN
SABAH
Fax : 089-666170

Pegawai yang boleh dihubungi : En. Hassan Baharun / En. Alister Lazarus Radin
No.telefon : 089-242613 / 089-242620

Emel : Hassan.Baharun@sabah.gov.my / AlisterLazarus.Radin@sabah.gov.my

Maklumbalas permohonan penyertaan "Road Show" akan dimaklumkan kelak secara bertulis atau melalui aplikasi Whatsapp / emel.

Terima kasih.

DATUK MASHOR MOHD JAINI
KETUA KONSERVATOR HUTAN
(27 JULAI 2020)